

ADAB MURID TERHADAP GURU MENURUT IBN JAMA'AH: APLIKASINYA DALAM KONTEKS PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

(Student Manners toward Teachers According to Ibn Jama'ah: Its Application in The Context of Online Learning)

Nur Farah Syahirah Nazim & Abdul Muhsien Sulaiman

ABSTRAK

Bagi mengekang penularan virus COVID-19, sekolah dan institusi pendidikan terpaksa ditutup sekaligus mengubah norma pendidikan secara drastik dari pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran dalam talian. Demi memastikan murid tidak ketinggalan dalam pelajaran, para guru di Malaysia berusaha keras untuk memastikan kelancaran proses pengajaran dalam talian. Namun begitu, usaha mereka seakan tidak berbaloi apabila murid tidak menunjukkan sokongan terhadap kelas maya yang diadakan oleh guru khasnya dalam pembelajaran secara segerak. Meskipun kedua-duanya tidak bertemu secara realiti, sikap negatif yang ditonjolkan oleh murid secara tidak langsung dikaitkan dengan pengabaian adab terhadap guru. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan satu panduan kepada murid berkenaan adab terhadap guru melalui penerokaan terhadap karya *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi Adab al-'Alim wa al-Muta'alim* nukilan Ibn Jama'ah (w. 733 H). Metodologi analisis kandungan telah dijalankan pada kitab terbabit bagi mendapatkan panduan adab murid yang relevan untuk diaplikasikan dalam konteks pembelajaran dalam talian secara segerak. Hasil kajian telah menemukan lapan tema merangkumi adab dari sudut menjaga penampilan diri, menepati masa, menumpukan perhatian terhadap guru, memberikan respon yang sewajarnya, tidak malu untuk bertanya, tidak melakukan urusan lain semasa guru sedang mengajar, tidak meremehkan pengajaran guru serta berterima kasih dan mendoakan guru. Kajian ini diharapkan dapat memberi pencerahan kepada para murid untuk terus mengekalkan budaya beradab terhadap guru tanpa mengira apa jua situasi pembelajaran. Implikasi kajian ini tidak ditumpukan kepada murid sekolah semata-mata, bahkan ia boleh dimanfaatkan oleh semua penuntut ilmu yang terlibat dengan pembelajaran dalam talian merentasi pelbagai bidang pengajian.

Kata kunci: COVID-19, Ibn Jama'ah, adab murid, guru, pembelajaran dalam talian, pembelajaran secara segerak

ABSTRACT

To curb the spread of the COVID-19 virus, schools and educational institutions had to close down and drastically change the norms of education from face-to-face learning to online learning. In order to ensure that students are not left behind in learning, teachers in Malaysia work hard to ensure the online teaching runs smoothly. However, their efforts do not seem to be worth when students do not show support for virtual classes held by teachers, especially in

synchronous learning. Even though both students and teachers do not meet in reality, the negative attitude displayed by the students is indirectly associated with the neglect of manners towards the teacher. This study aims to provide a guide to students regarding manners towards teachers through an exploration of the book entitled *Tadhkirat as-Sami 'wal Mutakallim fi Adab al-'Alim wa al-Muta'alim* by Ibn Jama'ah (d. 733 H). The content analysis methodology has been conducted on the book to obtain a guide on student manners that are relevant to be applied in the context of synchronous online learning. The results of the study have found eight themes of manners including the terms of maintaining personal appearance, punctuality, paying attention to teachers, giving appropriate responses, not ashamed to ask, not doing other things while the teacher is teaching, not underestimate the teacher's teaching, expressing gratitude and reciting prayers for teachers. This study is expected to provide enlightenment for students to maintain a civilized culture towards teachers regardless of any learning situation. The implications of this study are not focused on school students alone, in fact it can be utilized by all people involved with online learning despite the difference of the fields of study.

Keywords: COVID-19, Ibn Jama'ah, student manners, teachers, online learning, synchronous learning

PENDAHULUAN

Pada penghujung Disember 2019, satu virus baharu telah dikesan di wilayah Wuhan, China. Virus yang dinamai COVID-19 ini bukan sahaja menyerang penduduk setempat bahkan ia mula merebak ke luar China sehingga menyebabkan kadar kematian yang sangat tinggi di seluruh dunia (Xiang et al., 2020). Penularan virus COVID-19 ke serata dunia dalam jangka masa yang singkat telah menyebabkan ia diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (Sohrabi et al., 2020). Di Malaysia, virus tersebut mula merebak ke seluruh pelosok tanah air sehingga setiap negeri di Malaysia dilaporkan mempunyai kes positif jangkitan virus COVID-19 menjelang 16 Mac 2020. Situasi ini sekaligus menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di Asia Tenggara yang mencatatkan kumulatif terbesar jangkitan COVID-19 (Harian Metro, Mac 2020). Ekoran daripada itu, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 (Salim et al., 2020 & Sukumaran, 2020) bagi mengekang penularan COVID-19 di negara ini. Inisiatif yang diambil oleh kerajaan ini secara tidak langsung telah merencatkan perkembangan sektor ekonomi, sosial, pelancongan dan juga pengangkutan di Malaysia.

Tidak terkecuali, sektor pendidikan juga turut terkena impak dari pelaksanaan PKP ini. Institusi-institusi pendidikan di Malaysia terpaksa ditutup bagi mengekang penyebaran virus tersebut. Bukan sahaja Malaysia, bahkan hampir 160 negara di seluruh dunia (UNESCO, 2020) turut mengambil inisiatif yang sama (Alsafi, Abbas, Hassan, & Ali, 2020). Kesannya, proses pengajaran dan pembelajaran konvensional yang telah diamalkan sejak zaman berzaman terpaksa ditangguhkan. Krisis COVID-19 ini telah mengubah proses pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran dalam talian (Tesar, 2020) bagi memastikan murid memperoleh ilmu pengetahuan secara berterusan meskipun tidak dapat menghadiri diri ke sekolah. Menurut Hapini Awang, Wan Rozaini Sheik Osman & Zahurin Mat Aji (2019), pembelajaran dalam talian merujuk kepada penggunaan apa sahaja platform maya bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Secara idealnya, ia

boleh dijalankan sama ada secara segerak (*synchronous learning*) ataupun tidak segerak (*asynchronous learning*). Bagi kaedah pembelajaran segerak, interaksi pembelajaran berlaku secara ‘*real time*’ yang mana guru dan murid perlu hadir dalam platform tertentu pada masa yang sama (Salmon, 2013). Google Meet, Zoom Cloud Meeting, Microsoft Meeting dan juga Webex adalah platform yang sesuai digunakan untuk tujuan ini. Jika capaian internet tidak stabil, kaedah pembelajaran tidak segerak menggunakan platform Google Classroom, WhatsApp, Telegram, YouTube dan Facebook adalah lebih sesuai untuk digunakan. Ini kerana, komunikasi boleh dijalankan pada masa yang berbeza mengikut kesesuaian guru dan murid (Perveen, 2016).

Demi memenuhi keperluan pendidikan di era COVID-19 ini, warga pendidik di Malaysia dilihat sangat gigih menjalankan proses pengajaran dalam talian. Memetik kenyataan dari akhbar Mstar (November 2020), “Kebanyakan cikgu habiskan masa dari pukul 8 pagi hingga 1 tengah hari untuk kelas *online* tidak termasuk masa pada malam sebelumnya yang diambil untuk sediakan bahan mengajar” dan “Ada cikgu yang buat jariah *top up* kredit murid semata-mata untuk buat Google Meet”. Namun begitu, usaha para guru ini seakan tidak dihargai apabila timbul isu seperti “Sambutan daripada pelajar tidak begitu menggalakkan kerana sesetengah pelajar tidak menjawab atau membalas” (Free Malaysia Today, April 2020), “Murid tidak menyiapkan kerja rumah dan tidak menghadiri kelas maya, sehinggakan guru perlu menunggu kehadiran anak murid selama hampir dua jam” (Berita Harian, Mei 2020), “Hanya 20 hingga 30 peratus murid ikuti PdP dalam talian” (Berita Harian, Jun 2020), “Guru gigih buat kelas *online* tapi ‘0’ kehadiran” dan “Ramai anak murid yang masuk kelas *update* kehadiran lepas tu senyap” (Mstar, November 2020). Fenomena seumpama ini tidak seharusnya terjadi kerana ia secara tidak langsung menunjukkan tahap penghargaan dan penghormatan yang rendah oleh murid terhadap usaha keras yang telah diberikan oleh para guru.

Dalam satu soal selidik yang dijalankan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke atas 1,742 orang guru pada bulan November 2020, dapatan menunjukkan sejumlah 80 peratus guru berhadapan dengan kesukaran untuk memastikan keberadaan murid sepanjang sesi kelas dalam talian dijalankan. Ini diikuti dengan cabaran untuk memastikan murid dapat memberikan tumpuan agar mereka mampu memahami setiap ilmu yang disampaikan oleh guru (Azlin Norhaini Mansor, 2020). Dapatan ini justeru memberi gambaran, meskipun guru telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pengajaran secara maya, namun ianya tidak berbaloi jika murid tidak turut serta dalam sesi kelas yang diadakan, tidak komited untuk menuntut ilmu, bersikap sambil lewa dan tidak beradab terhadap guru. Jika diteliti pada isu-isu yang telah dibangkitkan sebelum ini, kelemahan dari sudut adab murid merupakan faktor terjadinya pengabaian terhadap kelas maya yang dijalankan oleh guru. Dalam situasi pembelajaran bersemuka, tidak dinafikan kebanyakan murid telah sedia maklum berkenaan adab terhadap guru. Namun begitu, bagi situasi pembelajaran dalam talian, perihal adab seakan dipinggir berikutan murid tidak berhadapan dengan guru secara realiti dan keduanya terpisah di tempat yang berbeza. Meskipun berada dalam situasi yang berlainan, adab terhadap guru tetap perlu dijaga sebagai jaminan murid meraih keberkatan dari ilmu yang disampaikan oleh guru.

Memandangkan pandemik ini tidak dapat dipastikan bila pengakhirannya, mungkin pembelajaran dalam talian terpaksa diteruskan untuk suatu jangka masa tertentu. Oleh yang demikian, timbul keperluan untuk menyediakan satu panduan adab bagi membimbing murid untuk mengamalkan adab yang selayaknya terhadap guru khasnya dalam konteks pembelajaran dalam talian berbentuk segerak. Memandangkan isu adab sinonim dibicarakan

oleh para ilmuan Islam di zaman silam menerusi penghasilan kitab ilmiah mereka, maka kajian ini memutuskan untuk meneroka idea Ibn Jama'ah (w. 733H) melalui karya pendidikannya *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi Adab al-'Alim wa al-Muta'alim*. Di samping menyesuaikan adab yang dicadangkan oleh Ibn Jama'ah ke dalam konteks kontemporari, signifikan pemilihan tokoh Ibn Jama'ah turut didasari dengan tujuan untuk mendedahkan personaliti dan idea pendidikannya yang sangat jarang diketahui oleh umum.

SOROTAN KARYA

Ibn Jama'ah

Muhammad bin Ibrahim bin Sa'dullah bin Jama'ah bin Ali bin Jama'ah bin Hasyim bin Sakhr Al-Kinani Al-Hamawi as-Syafi'e (Salahuddin as-Safadi, 2000 & Taqiyuddin Ibn Syahbah, 1979) atau lebih dikenali sebagai Ibn Jama'ah dilahirkan pada malam Sabtu, 4 Rabiul Akhir tahun 639 Hijrah bersamaan bulan Oktober tahun 1241 Masihi (Ibn Kathir, 1987). Ibn Jama'ah memiliki raut wajah yang bersih, kulit yang putih, janggut yang lebat dan bersuara lembut (Ibn Hajar al-Asqalani, 1966). Beliau merupakan seorang yang taat beribadah (Adz-Dzahabi, 1960), kuat pegangan agama serta sangat sederhana dari segi pemakaian, makanan juga tempat tinggalnya. Dari segi keperibadiannya, Ibn Jama'ah merupakan seorang yang sangat tegas dalam menyampaikan kebenaran. Pun begitu, beliau sangat penyabar, penyayang dan seringkali memperlakukan insan di sekelilingnya dengan baik (Abdul Jawwad Khalaf, 1988).

Anak kelahiran Hammah, Mesir ini membesar dalam persekitaran keluarga yang zuhud dan mementingkan ilmu pengetahuan. Semasa hayatnya, beliau dikenali sebagai seorang yang sangat rajin belajar (Ibn Kathir, 1987) dan giat menuntut ilmu dengan ramai ulama' yang hebat. Antara ulama' yang pernah menjadi guru kepada Ibn Jama'ah adalah Syarafudin Abdul Aziz al-Ansari, Ar-Razi Ibn Burhan, Rasyid al-Athar, Ibn Abi al-Yasar, Ibn Abdillah, Ibn Azraq, al-Najib, Ibn 'Ilaq, al-Mu'in al-Dimasyqi, Taqiyuddin Ibn Razin, Taqy Ibn Abi al-Yusr, Jamaluddin Ibn Malik, Ibn Abi Umar, Taj al-Qasthalani, Majid Ibn al-Daqiq, Ibn Abi Salamah, Ismail al-Iraqi dan sejumlah besar ulama' yang lain (Badruddin Ibn Jama'ah, 2009; Suwito & Fauzan, 2003 & Abuddin Nata, 2000). Dalam proses menuntut ilmu, Ibn Jama'ah mencurahkan sepenuh perhatian dan kesungguhannya sehingga beliau mampu menguasai pelbagai cabang ilmu (adz-Dzahabi, 1960) meliputi bidang tafsir, hadis, ilmu kalam, fiqh, nahu, adab dan juga pendidikan. Oleh kerana itu, beliau dipercayai untuk menggalas jawatan sebagai hakim bagi negara Mesir dan khatib di Masjid al-Azhar bermula tahun 690 Hijrah. Selain itu, beliau turut ditaklifkan sebagai pendidik di beberapa institusi pendidikan. Di Mesir, Ibn Jama'ah pernah mengajar di madrasah as-Shalhiyyah, madrasah an-Nasiriyyah, madrasah al-Kamiliyyah, Masjid al-Hakim dan juga Masjid Ibnu Thulun. Di Damsyik pula, beliau pernah mencurahkan bakti sebagai tenaga pengajar di madrasah al-Qamariyyah, madrasah al-'Adiliyyah al-Kubra dan madrasah asy-Syamiyyah al-Barraniyyah (Badruddin Ibn Jama'ah, 2009).

Meski disibukkan dengan pelbagai tanggungjawab, Ibn Jama'ah masih sempat meluangkan masanya untuk menulis dan menghasilkan banyak karya ilmiah merentasi pelbagai bidang. Karya penulisan beliau adalah seperti *at-Tibyan li Muhimmat al-Qur'an*, *al-Masalik fi Ulum-al-Manasik*, *al-Manhal ar-Rawi*, *al-Fawa'id al-La'ihah min Surah al-Fatihah*, *an-Najm al-Lami' fi Syarh Jami' al-Jawami'*, *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi*

adab al-Alim wa al-Muta'allim serta pelbagai lagi karya lain (Abdul Jawwad Khalaf, 1988). Usai menjalani kehidupan yang sarat dengan lingkungan ilmu, Ibn Jama'ah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada malam Isnin, 21 Jamadil Awwal tahun 733 Hijrah bersamaan 1333 Masihi di saat umurnya 94 tahun (Hery Noer Aly, 2012 & Ibn Kathir, 1987). Jenazah beliau disolatkan di Masjid an-Nasiry dan seterusnya dimakamkan di Qirafah, Mesir (Syabuddin Gade, 2015).

Kitab *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi adab al-'Alim wa al-Muta'allim*

Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi adab al-'Alim wa al-Muta'allim pertama kali dinukilkan oleh Ibn Jama'ah sekitar abad ke 8 Hijrah. Sesuai dengan judulnya yang bermaksud “peringatan dari pendengar dan pembicara tentang adab guru dan murid”, isi kandungan kitab ini merupakan himpunan adab-adab yang didengari oleh Ibn Jama'ah dari para gurunya disamping perkongsian adab berdasarkan pengalaman beliau sendiri sepanjang bergelar seorang pendidik. Kitab ini merupakan sebuah kitab yang sarat dengan nasihat dan mesej positif yang terhimpun dalam lima bab merangkumi bab keutamaan ilmu, adab pengajar ilmu, adab penuntut ilmu, adab berinteraksi dengan buku dan juga adab di madrasah (Badruddin Ibn Jama'ah, 2009).

Mesej utama yang ingin disampaikan oleh Ibn Jama'ah melalui kitab ini adalah adab yang baik (*husnul adab*) adalah perkara teras yang perlu dimiliki oleh mereka yang berkecimpung dalam lapangan pendidikan (*ahlul ilm*), baik oleh para guru mahupun para murid (Hery Noer Aly, 2012). Melalui kitab ini, Ibn Jama'ah bukan sahaja menginginkan agar peringatan adab yang dikemukakan olehnya dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran semata-mata. Lebih dari itu, Ibn Jama'ah mengharapkan agar adab-adab tersebut dijadikan sebagai suatu amalan yang mampu mencorakkan keperibadian terpuji dalam kalangan guru dan juga murid.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi pengumpulan data bagi kajian ini adalah menjurus kepada kajian kualitatif dengan mengguna pakai kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah suatu kaedah yang digunakan bagi mendalami isi penting dan mengupas maksud tersirat dari sesuatu kandungan (Mawaddah Baderun & Haziyah Hussin, 2016). Bagi Krippendorff (2013), keistimewaan kaedah analisis kandungan terletak pada ketinggian tahap sensitivitinya ke atas kandungan teks sesuatu dokumen. Bryman (2012) pula menyifatkan kaedah analisis kandungan sebagai suatu kaedah yang sangat telus. Ini kerana skim pengekodan dan prosedur persampelannya boleh dibentangkan dengan jelas. Oleh itu, replikasi dan kajian lanjutan dapat dijalankan dengan mudah.

Khusus bagi kajian ini, analisis kandungan dijalankan ke atas sebuah kitab yang dikarang oleh Ibn Jama'ah yang berjudul *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi adab al-'Alim wa al-Muta'allim*. Selaras dengan kehendak kajian yang menyasarkan kepada adab murid, maka analisis secara mendalam dijalankan terhadap bab ketiga dari kitab tersebut iaitu bab adab bagi penuntut ilmu. Berikut ini isi kandungan bab ini menyentuh tentang adab penuntut ilmu secara menyeluruh meliputi adab terhadap diri sendiri, adab terhadap guru, adab terhadap rakan serta adab terhadap pembelajaran, hanya data-data yang menepati kehendak kajian sahaja akan diberi perhatian. Di peringkat awal analisis, telah ditemukan puluhan data

mengenai adab murid terhadap guru. Data-data terbabit kemudiannya dikelompokkan ke dalam beberapa tema tertentu sebelum dianalisis secara tematik (*thematic analysis*) bagi mengenal pasti elemen adab yang bersesuaian dengan fokus kajian. Setelah disaring, maka terhasillah lapan tema mengenai adab murid terhadap guru menurut Ibn Jama'ah yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam konteks pembelajaran dalam talian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dari analisis yang telah dijalankan terhadap kitab *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi Adab al-Alim wa al-Muta'allim*, terdapat lapan adab menurut Ibn Jama'ah yang sangat sesuai untuk diaplikasikan oleh murid dalam konteks pembelajaran dalam talian khususnya yang berbentuk pembelajaran segerak. Adab-adab yang digariskan kepada murid terhadap guru adalah sebagaimana berikut;

(i) Menjaga penampilan diri

Walaupun pembelajaran dilakukan secara maya, murid disarankan untuk tetap menjaga penampilan diri sama seperti ketika pembelajaran bersemuka dijalankan. Perlu diingat bahawa pembelajaran dalam talian berbentuk segerak adalah pembelajaran yang berlaku secara 'real time'. Kelas yang dijalankan lazimnya melibatkan penglibatan ramai orang dan ia berkemungkinan dirakam. Imej murid pula boleh dilihat dengan jelas oleh guru dan rakan-rakan yang lain menerusi paparan di skrin. Menyertai kelas dalam keadaan kusut masai serta mengenakan pakaian yang tidak sesuai adalah antara perkara yang perlu dielakkan oleh murid. Ibn Jama'ah menyatakan;

“Adalah sewajarnya untuk mendatangi guru dengan penampilan yang bagus, badan yang bersih dan pakaian yang kemas.”

Bagi mengelakkan sebarang keaiban tersebar, murid lelaki digalakkan untuk merapikan rambut dan memakai pakaian yang bersesuaian. Bagi murid perempuan pula, mengenakan tudung dengan sempurna di samping pakaian yang menutup aurat adalah sangat digalakkan. Menjaga penampilan diri bukan sahaja dapat memberikan keselesaan kepada murid bahkan juga dapat menyenangkan hati guru apabila melihat murid tampil sopan dan bersedia untuk menuntut ilmu.

Selain menampilkan imej yang bagus, murid juga perlu membuat persiapan dari segi mental sebelum menyertai kelas dalam talian. Murid perlulah mendapatkan rehat yang cukup pada waktu malam jika kelas berikutnya dijadualkan pada awal pagi. Selain itu, murid juga seeloknya mengisi perut terlebih dahulu bagi mengelakkan murid kelaparan semasa kelas dilangsungkan. Hal sebegini meskipun tampak remeh namun jika tidak diberi perhatian, ia boleh menyebabkan murid menjadi lesu, tidak bersemangat dan melunturkan konsentrasi sewaktu menuntut ilmu. Perkara ini selari dengan pernyataan Ibn Jama'ah;

“Hendaklah murid mendatangi guru dan duduk bersamanya dalam keadaan akal fikirannya jernih dan hatinya kosong dari kesibukan. Bukan (datang) dalam keadaan mengantuk, marah, tersangat lapar, haus atau yang seumpamanya. (Hal ini penting)

agar dadanya lapang menerima apa yang dikatakan dan memahami apa yang didengarnya”

(ii) Menepati masa

Bagi melicinkan proses pembelajaran dalam talian, murid hendaklah menepati masa yang telah ditetapkan. Penyertaan kelas sebegini hanyalah semudah menekan pautan (*link*) pada platform yang telah diaturkan oleh guru. Sewajarnya tiada alasan untuk lambat menyertai kelas terbabit kerana murid tidak perlu keluar dari rumah dan berkejar-kejar ke sekolah. Hadir lambat dan membiarkan guru tertunggu-tunggu kehadiran murid adalah suatu hal yang tidak sopan. Dalam *Tadhkirat as-Sami’ wal Mutakallim fi Adab al-‘Alim wa al-Muta’alim*, Ibn Jama’ah menukilkan;

“Di antara adab dengan guru, hendaklah para murid menunggunya dan bukan dia (guru) yang menunggu mereka.”

Justeru itu, murid disarankan untuk menunggu guru dan terus menyertai kelas dengan menekan pautan yang disediakan apabila tibanya waktu kelas.

“Hendaknya menunggu agar tidak ketinggalan pelajarannya kerana setiap pelajaran yang terlewatkan itu tidak tergantikan nilainya. Hal itu akan menambah kebaikan, adab dan kemuliaan baginya.”

Jika murid terlewat menyertai kelas kerana ada kekangan yang tidak dapat dielakkan, murid perlulah meminta maaf dengan guru, menyatakan alasan yang munasabah dan berazam untuk tidak mengulangnya lagi. Ibn Jama’ah menjelaskan;

“Hendaklah murid meminta maaf, bertaubat dan beristighfar dengan apa yang terjadi. Menimpakan kesalahan terhadap dirinya sendiri kerana hal itu lebih menyenangkan hati guru, lebih menghampirkan murid pada kasih sayang guru dan lebih bermanfaat untuk murid di dunia dan akhirat.”

Meskipun waktu pembelajaran dalam talian dilihat lebih fleksibel berbanding pembelajaran konvensional, namun murid tetap perlu menghormati masa yang telah ditetapkan khasnya dalam konteks pembelajaran segerak kerana guru juga pastinya mempunyai amanah lain untuk dilunaskan setelah itu. Memohon penangguhan kelas ke waktu yang lain adalah tidak wajar untuk dilakukan oleh murid kerana ia boleh mengganggu masa guru. Ibn Jama’ah mengusulkan;

“Tidak meminta oleh murid kepada guru untuk mengajarkan untuknya pada waktu yang memberatkan guru atau dalam kebiasaan guru tidak mengajar muridnya pada waktu tersebut.”

“Tidak mencadangkan kepada guru waktu tertentu khas untuk dirinya kerana hal tersebut mengisytarkan keangkuhan dan kebodohan murid sehingga kerananya guru meninggalkan apa yang lebih penting baginya pada waktu itu. Akibatnya murid tidak

beruntung. Jika guru yang memulainya dengan waktu tertentu atau khusus kerana alasan menghalangnya hadir, maka tidak mengapa.”

(iii) Menumpukan perhatian terhadap guru

Ibn Jama'ah menggesa agar murid memberikan sepenuh perhatian terhadap guru dalam usaha meraih ilmu sepertimana berikut;

“Hendaklah duduk di hadapan guru dengan sopan sebagaimana anak-anak duduk di depan pengajar al-Qur'an iaitu duduk menundukkan diri dengan tawadhuk. Tenang dan khusyuk, memandang kepadanya (guru) dan berkonsentrasi penuh padanya.”

Oleh kerana guru dan murid tidak berada di tempat yang sama ketika kelas dalam talian dilangsungkan, antara cara untuk memastikan murid tetap memberikan perhatian kepada guru adalah dengan murid mengaktifkan kamera video di alat peranti masing-masing. Hal ini sangat mustahak bagi membolehkan guru melihat jumlah sebenar kehadiran murid di samping melihat respon murid secara langsung. Adalah menjadi suatu hal yang tidak sopan jika murid sengaja tidak mengaktifkan kamera video semasa sesi pengajaran guru. Disebabkan kelibat murid tidak dapat dilihat oleh guru, dikhuatiri guru beranggapan bahawa murid sedang melakukan urusan lain di sebalik skrin dan tidak memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru. Selain itu, murid juga sewajarnya menetapkan mod senyap pada mikrofon di peranti yang digunakan. Ini bagi membolehkan murid mendengar penerangan guru dengan jelas dan menutup sebarang bunyi latar yang boleh mengganggu kelancaran kelas. Ibn Jama'ah menukilkan;

“Jika mendengar guru menceritakan hikayat atau melantunkan syair, hendaklah (murid) tetap diam mendengarnya dengan baik selayaknya orang yang ingin meraih manfaat darinya pada saat itu.”

Di samping mengaktifkan kamera video dan menutup audio mikrofon, terdapat beberapa perkara yang perlu dielakkan oleh murid sebagaimana berikut;

“(Murid) tidak menoleh tanpa keperluan mendesak. Tidak melihat ke kanan, ke kiri, ke atas atau ke hadapan tanpa keperluan. Tidak patut bagi murid untuk melihat keculi kepada guru di saat belajar bersama guru.

“Tidak mengibaskan lengan bajunya, tidak membuka lengannya. Tidak sibuk mempermainkan kedua tangannya, kedua kakinya atau bahagian tubuh lainnya. Tidak memegang janggutnya atau mulutnya. Atau sibuk mempermainkan hidungnya atau mengeluarkan sesuatu darinya. Tidak membuka mulutnya. Tidak menumbukkan giginya. Tidak menepuk lantai dengan telapak tangannya atau membuat garis di tanah dengan jarinya. Tidak menganyam jari jemarinya atau mempermainkan kancing bajunya. Tidak duduk bersandar ke dinding, bantal, tiang atau meletakkan tangannya di atas. Tidak memperbanyak berdehem tanpa keperluan, tidak meludah, tidak batuk berkahak, tidak membuang ludah dari mulutnya akan tetapi mengambil dengan sapu tangan, kain, atau hujung bajunya. Hendaklah menenangkan tubuhnya di saat belajar. Jika bersin, hendaknya memperlahankan suaranya sebolehnya yang

mungkin, menutup wajahnya dengan kain atau yang sepertinya. Jika menguap, maka menutup mulutnya sesudahnya menahannya seboleh yang mungkin.”

Kesemua perkara ini adalah peringatan yang perlu diberi perhatian oleh murid. Murid haruslah berwaspada dari melakukan perkara terbabit agar tumpuan terhadap sesi pembelajaran dapat diberikan sepenuhnya tanpa diganggu gugat oleh perbuatan murid yang kurang sopan.

(iv) Memberikan respon yang sewajarnya

Bagi menjayakan sesi pembelajaran dalam talian, interaksi dua hala antara guru dan murid adalah sangat diperlukan. Oleh itu, murid perlulah memberikan kerjasama dan melibatkan diri secara aktif dalam sesi tersebut. Ibn Jama’ah menyatakan;

“Hendaklah tetap mengikuti halaqah guru kerana hal itu menambah kebaikan, ilmu, adab dan kemuliaan baginya.”

“Hendaklah murid selalu berusaha untuk berkhidmat dan bergegas kepada guru kerana hal itu memberinya kemuliaan.”

Dalam sesetengah keadaan, ada murid yang langsung tidak memberikan respon apabila ditanya oleh guru. Kesannya, sesi kelas hanya bersifat sehalu dan mengundang kekhuatiran guru terhadap tahap penerimaan murid sama ada mereka memahami isi pembelajaran atau sebaliknya. Ibn Jama’ah menyarankan;

“Hendaklah tidak membatasi diri di dalam kuliah dengan hanya mendengar pelajarannya sahaja kerana ia menunjukkan lemahnya semangat dan kekurangan daya respon. Sebaliknya hendaklah mengikuti semua pelajaran dan berpartisipasi dengan rakan-rakannya. Demi Allah, perkara demikian adalah untuk orang yang bersungguh-sungguh.”

(v) Tidak malu untuk bertanya

Jika berhadapan dengan sebarang kekeliruan dalam memahami isi pembelajaran, murid tidak seharusnya mendiamkan diri. Murid digesa untuk segera bertanya kepada guru bagi mendapatkan pencerahan tentang perkara yang kurang difahami. Ibn Jama’ah menjelaskan;

“Hendaknya keadaan murid di hadapan guru adalah seperti seorang pesakit yang bertemu dengan doktor pakar, dia bermusyawarah dengannya dalam apa yang ingin dilakukan.”

“Jika tidak mendengar perkataan guru kerana jauh atau tidak memahami sekalipun telah menumpukan perhatian kepadanya, maka murid boleh meminta guru untuk mengulangi apa yang dikatakan setelah menjelaskan alasan (pertanyaan tersebut) dengan lemah lembut.”

Dalam menuntut ilmu, murid perlulah menunjukkan kesungguhan dan tidak mensia-siakan peluang berguru yang mereka perolehi. Darihial itu, murid perlulah menjauhi sifat

segan untuk bertanya kerana hal tersebut akan menyebabkan murid terhalang daripada memperoleh manfaat ilmu.

“Hendaknya tidak malu bertanya tentang apa yang tidak difahami dan berusaha untuk memahami perkara tersebut dengan (mengajukan) pertanyaan dengan sopan dan perkataan yang baik.”

“Sebagaimana tidak patut bagi penuntut ilmu untuk malu bertanya, maka tidak patut juga untuk dia malu berkata, “Aku tidak faham”. Kerana hal itu akan membuatnya gagal meraih kebaikan (sama ada) cepat atau lambat.”

“Jika guru bertanya, maka murid tidak menjawab, “Ya”, sehingga dia benar-benar memahami agar tidak kehilangan pemahaman dan tidak tertimpa beban dosa dusta.”

Meskipun murid dianjurkan untuk bertanya, namun murid perlulah beradab dalam hal tersebut. Murid tidak boleh semberono mencelah semasa guru sedang mengajar. Sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Jama’ah;

“Tidak patut memotong perkataan guru. Perkataan apa pun, tidak mendahuluinya, tidak menyamainya akan tetapi bersabar hingga guru menyudahi perkataannya, kemudian dia berbicara.”

Seeloknya, murid menunggu sehingga guru membuka ruang pertanyaan atau murid boleh meninggalkan pertanyaan secara bertulis di ruangan ‘chat’. Soalan yang ingin diajukan oleh murid perlulah ditulis dengan sopan menggunakan ayat yang jelas, tidak meleret dan mudah difahami. Dalam mengekalkan adab dengan guru, murid tidak digalakkan untuk menaip pertanyaan dengan huruf besar pada kesemua ayat atau menggunakan kata seru di akhir ayat. Ini bagi mengelakkan murid kelihatan seperti meninggikan suara atau memberikan arahan kepada guru. Saranan ini menepati anjuran Ibn Jama’ah;

“Hendaklah membaguskan perbicaraan kepada guru sebaik yang mungkin. Jika hendak mendapatkan faedah darinya, maka hendaklah menggunakan cara lemah lembut untuk mencapai tujuannya.”

(vi) Tidak melakukan urusan lain semasa guru sedang mengajar

Bagi pembelajaran secara dalam talian, tidak dinafikan agar sukar untuk guru melakukan pemantauan ke atas setiap murid terutamanya jika melibatkan jumlah murid yang ramai. Atas kesedaran dan tanggungjawab sendiri, setiap murid sewajarnya memberikan kerjasama dan tumpuan sepenuhnya terhadap guru disamping menjauhi sikap sambil lewa. Hal ini dirujuk kepada ungkapan Ibn Jama’ah seperti berikut;

“Hendaknya tidak berbicara pada saat pelajarannya atau pelajaran orang lain berlangsung dengan sesuatu yang tidak berkaitan dengannya atau sesuatu yang menghentikan pelajaran. Kecuali dengan kebenaran dari guru. Bagi mengelakkan (murid) kehilangan faedah (dari pembelajaran).”

Semasa kelas sedang berlangsung, murid tidak sepatutnya ‘*multitasking*’ atau melakukan perkara lain yang tidak berkaitan seperti membuka laman sesawang *YouTube* di *tab* lain, melayari *Instagram* atau *Facebook*, bermain *game*, bersembang atau bergosip dengan rakan-rakan di aplikasi *Whatsapp*, *Telegram* dan seumpamanya. Perbuatan sebegini mungkin tidak dapat dikesan oleh guru tetapi murid harus ingat bahawa perbuatan tersebut akan mengganggu fokus pembelajaran murid dan menyebabkan murid ketinggalan isi-isi penting yang disampaikan oleh guru. Pernyataan ini senada dengan pendapat Ibn Jama’ah;

“Tidak berbicara dengan orang lain sementara guru sedang berbicara dengannya. Hendaknya benaknya hadir ke arah guru. Di mana jika guru memerintahkan sesuatu kepadanya, bertanya tentang sesuatu kepadanya, maka tidak perlu diulang untuk kali kedua.”

“Hendaklah berusaha memahami penjelasan guru. Menyibukkan fikirannya dengan memikirkan sesuatu atau berbicara sesuatu kemudian meminta guru mengulang penjelasannya adalah hal yang tidak sopan. Sebaliknya patut menyemak perkataan guru dan memberikan perhatiannya sejak awal.”

(vii) Tidak meremehkan pengajaran guru

Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati Ibn Jama’ah ada mengutarakan satu adab yang agak menarik untuk dipraktikkan oleh murid iaitu apabila guru mengajarkan sesuatu yang sudah diketahui oleh murid, murid seharusnya tetap khusyuk mendengarnya seolah-olah mempelajarinya buat kali pertama.

“Jika guru mengajarkan sesuatu, sedangkan dia telah mengetahuinya sebelum ini, hendaklah dia tidak memperlihatkan bahawa dia telah mengetahuinya sebelum ini (lupa tentangnya).”

“Sekiranya mendengar guru menyebutkan suatu hukum (pelajaran), murid harus tetap diam menerimanya dengan baik selayaknya orang yang menerima faedah darinya pada saat itu, penuh minat (bersemangat) dan senang dengannya seolah-olah dia tidak pernah mendengarnya (pelajaran tersebut) sebelumnya.”

Saranan ini adalah suatu perkara yang perlu diberi perhatian oleh murid. Ini kerana, ada segelintir murid yang tidak mepedulikan pengajaran guru dan bersikap sombong apabila mendengarkan pelajaran yang telah dipelajarinya sebelum ini. Murid merasakan diri mereka telah cukup menguasai ilmu tersebut sehingga tiada keperluan untuk mengulangi pembelajaran yang sama. Oleh sebab itu, Ibn Jama’ah memberi peringatan seperti ini;

“Hendaknya tidak memandang diri dengan mata kesempurnaan dan merasa tidak memerlukan guru, kerana hal itu merupakan kebodohan sendiri dan mengisytarkan minimumnya pengetahuan. Apa yang belum dia dapatkan lebih banyak daripada apa yang telah dia dapatkan.”

(viii) Berterima kasih dan mendoakan guru

Usai tamat sesuatu sesi pembelajaran, murid digalakkan untuk berterima kasih kepada guru sebagai tanda penghargaan di atas jerih payah yang telah dicurahkan oleh guru dalam memberi didikan yang terbaik untuk murid. Sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Jama'ah;

“Hendaklah berterima kasih kepada guru kerana telah menunjukkan kepadanya kebaikan dan memperbaiki kekurangan, kelalaian dan kemalasan yang dihadapinya. Di mana pemberitahuan guru dan kritikan yang diberikan olehnya mengandungi kebaikan dan kemaslahatan untuk murid. Dan hendaklah murid menganggap hal tersebut sebagai suatu rahmat dari Allah kepadanya berikutan keprihatinan dan kesungguhan guru terhadap pengajarannya.”

“Berterima kasih kerana ia lebih menyenangkan hati guru dan lebih memberi inspirasi kepadanya untuk memberi perhatian yang lebih untuk kemaslahatan murid (pada masa akan datang).”

Selain itu, Ibn Jama'ah turut menganjurkan agar murid mendoakan guru, memohon keampunan untuknya dan mengelakkan diri dari mengumpat atau berkata buruk dibelakangnya. Hal ini kerana guru adalah figura yang mesti dihormati dan dimuliakan oleh murid meskipun setelah tamat sesi pembelajaran.

“Hendaklah mengetahui hak guru dan tidak melupakan jasa baiknya. Termasuk dalam hal ini adalah menjaga kehormatan guru, mengelakkan ghibah (mengumpat) terhadapnya dan marah kerananya. Hendaklah mendoakan guru dan beristighfar (memohon ampun) untuknya.”

“Jika selesai dari satu pelajaran, maka dia mendoakan guru. Dia berkata, “Semoga Allah meredhai anda, guru kami.”

Demikianlah lapan panduan adab murid terhadap guru menurut Ibn Jama'ah yang disesuaikan dengan situasi pembelajaran maya pada masa kini. Diharapkan agar murid dapat mengambil semangat dan ibrah dari panduan yang telah digariskan sebagaimana Ibn Jama'ah terinspirasi dari kegigihan Imam Syafi'e tatkala diajukan dengan pertanyaan;

“Wahai imam, apakah keghairahanmu terhadap adab? Jawab Imam Syafi'ie: “Jika aku terdengarkan perkataan tentang adab yang belum pernah aku dengar maka bersemangatlah anggota tubuhku untuk mendapatkannya.” Bagaimana pula kesungguhanmu dalam mencari adab? Maka jawab beliau: “Sepertimana seorang ibu mencari anak yang hilang yang mana tidak ada anak selainnya”.

KESIMPULAN

Adab terhadap guru adalah suatu hal yang sangat dititikberatkan oleh para penuntut ilmu di zaman silam. Namun di era serba moden dan maju ini, adab terhadap guru dilihat kian luntur dan seolah-olah diasingkan dari proses menuntut ilmu. Hakikatnya, adab dan ilmu adalah dua

hal yang saling berkait dan perlu diselarikan dalam usaha meraih keberkatan berpanjangan dari ilmu yang disampaikan oleh guru. Rentetan dari analisis kitab *Tadhkirat as-Sami' wal Mutakallim fi Adab al-'Alim wa al-Muta'allim* dan kupasan yang telah dibuat mengenai adab murid menurut Ibn Jama'ah, didapati sejumlah idea beliau adalah sangat bersesuaian dan relevan untuk dipraktikkan dalam konteks pembelajaran masa kini. Meskipun pandemik COVID-19 telah mengubah norma pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran maya, namun kedudukan dan kemuliaan guru sebagai penyampai ilmu tidak patut diubah sama sekali. Murid perlulah sentiasa memelihara dan mengamalkan adab yang baik terhadap guru agar murid bukan sekadar memperoleh ilmu semata-mata, bahkan juga meraih keredhaan dari guru. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan dan pencerahan kepada para murid untuk memastikan kelangsungan adab diteruskan dalam proses menuntut ilmu. Bukan sahaja tertumpu kepada murid sekolah semata-mata, bahkan semua individu yang bergelar penuntut ilmu yang menggunakan medium dalam talian sebagai kaedah pembelajaran adalah disarankan untuk mengambil manfaat dari hasil kajian ini bagi melancarkan proses pembelajaran di samping mengekalkan hubungan dua hala yang baik dengan pemberi ilmu.

RUJUKAN

- Abdul Jawwad Khalaf. (1988). *al-Qadi Badr al-Din Ibn Jama'ah hayatuhu wa asaruhu*. Karachi: Jami'ah al-Dirasah al-Islamiyah.
- Abuddin Nata. (2000). *Pemikiran para tokoh Pendidikan Islam: Seri kajian filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Adz-Dzahabi. (1960). *Al-'Ibar fi khabar man ghabar*. Kuwait: Da'irat al-Matbu'at wa al Nashr.
- Alsafi, Z., Abbas, A. R., Hassan, A., & Ali, M. A. (2020). The coronavirus (COVID-19) pandemic: Adaptations in medical education. *International Journal of Surgery*, 78, 64-65.
- Azlin Norhaini Mansor. (2020). COVID-19: Cabaran Buat Guru. Diambil dari <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1909566>
- Badruddin Ibn Jama'ah. (2009). *Tadhkirat al-Sami' wal Mutakallim fi adab al-'Alim wa al Muta'allim*. Lubnan : Darul Basyair Al Islamiyyah.
- Berita Harian. (2020, Jun 23). Hanya 20-30 peratus murid ikuti PdP dalam talian.
- Berita Harian. (2020, Mei 16). COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru.
- Bryman, A. (2012). *Social research methods* (4th ed). Oxford University Press.
- Bunyan, John. (2020). "PM: Malaysia under movement control order from Wed until March 31, all shops closed except for essential services". *The Malay Mail*.
- Free Malaysia Today. (2020, April 3). Guru sukar laksana pembelajaran secara 'online' ketika PKP.
- Hapini Awang, Wan Rozaini Sheik Osman & Zahurin Mat Aji. (2019). A Conceptual Model to Evaluate Virtual Learning Environment among Malaysian Teachers. *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering*. Vol. 10 No. 2-4.
- Harian Metro. (2020, Mac 15). Covid-19: Malaysia tertinggi di Asia Tenggara.
- Hery Noer Aly. (2012). Penciptaan lingkungan edukatif dalam pembentukan karakter : Studi terhadap aplikasi pemikiran Ibnu Jama'ah. *Jurnal Tsaqafah*, Vol. 8(1), 51-66.
- Ibn Hajar al-Asqalani. (1966). *al-Durar al-Kaminah fi a'yan al-mi'ah al-thaminah*. Dar al Kutub al Hadithah.
- Ibn Kathir. (1987). *Al-Bidayah wa an-Nihayah*. Ditahqiqkan oleh Ali Syiri. Beirut : Dar Ihya' at Turath al-Arabi.
- Ikin Asikin. (2015). Konsep pendidikan perspektif Ibnu Jama'ah (Telaah terhadap etika guru dalam kegiatan belajar mengajar). *Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam*, Vol. 4, 825-842.

- Krippendorff, K. (2013). *Content analysis : An introduction to its methodology* (3rd ed). California : Sage Publication.
- Mawaddah Baderun & Haziyah Hussin. (2016). Sheikh Sa'id Hawwa : Latar belakang dan ketokohan dalam bidang Pendidikan Islam. *Al-Hikmah*, 8(1), 15-28.
- Mstar. (2020, November 14). Guru honeymoon ketika pandemik? Pendedahan kisah warden didatangi pelajar sambil menangis mungkin boleh beri jawapan - "Biasanya ada kematian, tapi sangkaan saya meleset".
- Mstar. (2020, November 27). Guru gigih buat kelas online tapi '0 kehadiran', anak dedah bapanya kecewa sampai tahap nak pencen - "Abi bersangka baik pada student dia, salahkan link saya buat".
- Muhammad Khoirur Roin. (2016). *Etika guru dan murid perspektif Ibn Jama'ah dalam kitab Tadzkirah al-sami' wa al-Mutakallim fi adab al-A'lim wa al-Muta'allim*. Tesis Master. Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Salatiga.
- Muhammad Said Husin. (1995). *Ibn Jama'ah's Educational Thought*. Tesis Master. Institute of Islamic Studies. Mc Gill University, Montreal.
- Perveen, A. (2016). Synchronous and Asynchronous E-Language Learning: A Case Study of Virtual University of Pakistan. *Open Praxis*, Vol. 8 Issue 1, 21-39.
- Salahuddin as-Safadi. (2000). *Al-Wafi bil wafayat*. Ditahqiqkan oleh Muhammad Adnan al Bahit. Beirut : Dar Ihya' at-Turath al-Arabi.
- Salim, Naomie, Weng Howe Chan, Shuhaimi Mansor, Nor Erne Nazira Bazin, Safiya Amaran, Ahmad Athif Mohd Faudzi, Anazida Zainal, Sharin Hazlin Huspi, Eric Jiun Hooi Khoo & Shaekh Mohammad Shithil. (2020). COVID-19 Epidemic in Malaysia: Impact of Lock-down on Infection Dynamics. Paper in collection COVID-19 SARS-CoV-2 preprints from medRxiv and bioRxiv.
- Salmon, G. (2013). *E-tivities: The key to active online learning*. Routledge.
- Sohrabi, C., Alsafi, Z., O'Neill, N., Kerwan, A., & Al-Jabir, A. (2020). World Health Organization declares global emergency: A review of the 2019 novel coronavirus (COVID 19). *International Journal of Surgery*, 76, 71–76.
- Sukumaran, Tashny. (2020). "Coronavirus: Malaysia in partial lockdown from March 18 to limit outbreak". *South China Morning Post*.
- Su-Lyn, Boo. (2020). Malaysia's Covid-19 Epidemic Unpredictable Without Good Data: Expert." *CodeBlue*. Retrieved from <https://codeblue.galencentre.org/2020/04/06/malaysias-covid-19-epidemicunpredictable-without-good-data-expert/>.
- Suwito & Fauzan. (2003). *Sejarah pendidikan para tokoh pendidikan*. Percetakan Angkasa : Bandung.
- Syabuddin Gade. (2015). Kode etik pendidik menurut Ibnu Jama'ah. *Jurnal Pencerahan*. Volume 9 (1), 23-36.
- Taqiyuddin Ibn Syahbah. (1979). *Thabaqat as-Syafi'iyah*, Jilid 3. India : Dar al-Ma'arif al Uthmaniyah.
- Tesar, M. (2020). Towards a post-Covid-19 "New Normality?": Physical and social distancing, the move to online and higher education. *Policy Future in Education*, 18 (5), 556–559.
- The Straits Time. (2020, Mac 16). Coronavirus: Malaysia records eight deaths; 153 new cases bring total to 1,183.
- UNESCO. (2020). COVID-19 Educational Disruption and Response. Retrieved from <https://en.unesco.org/covid19/educationresponse/>.
- Xiang, Yu Tao, Yuan Yang, Wen Li, Ling Zhang, Qing Zhang, Teris Cheung & Chee H.Ng. (2020). Timely Mental Health Care for the 2019 Novel Coronavirus Outbreak Is Urgently Needed. *The Lancet Psychiatry* 7(3): 228-29.

MAKLUMAT PENULIS

NUR FARAH SYAHIRAH NAZIM

Institut Pengajian Termaju
Universiti Malaya
syahirahnazim1993@gmail.com

ABDUL MUHSIEN SULAIMAN

Jabatan Asas Pendidikan & Kemanusiaan
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
muhsin.sulaiman@um.edu.my